

**TRANSKRIP TEMU BUAL PELAJAR 4**

**Faridah, Verbatim Temubual Pelajar 4, SMK B, (02.07.2013), (6:31)**

1      **F, TB, P4, SMK B, (02072013), (6:31)**

2

**Pengkaji**

4      Assalamualaikum dan selamat pagi. Hari ini cikgu ingin menebual anda berkaitan  
5      dengan alam sekitar. Apa yang anda faham tentang Pendidikan Alam Sekitar?

6      **Pelajar**

7      Waalaikumsalam. Pendidikan Alam Sekitar ialah tentang cara-cara memelihara alam  
8      sekitar seperti tidak melakukan pembakaran terbuka, mengurangkan penggunaan bahan  
9      bahan yang sukar untuk hancur, seperti polisterin dan lain-lain.

10

11      **Pengkaji**

12      Bagaimanakah pula dengan penerapan Pendidikan Alam Sekitar?

13      **Pelajar**

14      Pendidikan Alam Sekitar **dikaitkan** semasa cikgu mengajar mata pelajaran-  
15      mata pelajaran seperti Biologi, Kimia, Bahasa Melayu, Seni dan lain-lain.

16

17      **Pengkaji**

18      Bagaimanakah anda belajar tentang Pendidikan Alam Sekitar di rumah?

19      **Pelajar**

20      Ibu bapa **membimbang** kami supaya sentiasa menjaga alam sekitar contohnya dalam  
21      menjaga kebersihan rumah, kami **dinasihatkan** supaya membuang sampah ke dalam  
22      tong sampah atau bakul sampah yang disediakan. Sekiranya, terdapat tin yang berisi air  
23      bertakung di persekitaran rumah ibu saya sentiasa membuangnya segera untuk  
24      mengelakkkan jentik-jentik. Jadi **sayapun selalu mengikut apa yang dilakukan.**

25

26      **Pengkaji**

27      Apakah masalah-masalah yang anda hadapi dalam mempelajari Pendidikan Alam  
28      Sekitar di rumah?

29      **Pelajar**

30      Em.. banyak perkara yang saya tidak tahu tentang alam sekitar ni, contohnya  
31      seperti macamana hendak melupuskan bahan-bahan terbuang seperti minyak yang telah  
32      digunakan, sampah-sampah plastik, bekas-bekas makanan polisterin, dan lain-lain.  
33      Kadang kadang saya rasa lekeh untuk mengasingkan sampah mengikut jenis. Aaa  
34      selalunya saya masukkan sahaja dalam satu bekas sampah yang sama.

35

36      **Pengkaji**

37      Di sekolah, bagaimanakah anda belajar tentang Pendidikan Alam Sekitar semasa  
38      pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas?

39      **Pelajar**

40      Semasa kami belajar Kimia hari itu, kami melakunkan tentang kesan-kesan  
41      pencemaran kepada orang ramai. Selain itu, kami juga diminta menyampaikan watak  
42      sebagai pemberita yang bertanyakan tentang masalah-masalah alam sekitar. Selain  
43      itu kami juga menonton video tentang pencemaran alam sekitar yang sering berlaku di  
44      kawasan ini.

45

46      **Pengkaji**

47      Apakah masalah-masalah yang anda hadapi dalam mempelajari Pendidikan Alam  
48      Sekitar semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas?

- 49     **Pelajar**  
50     Semasa mengajar, cikgu kurang menekankan mengenai Pendidikan Alam Sekitar dalam  
51     mata pelajaran yang diajar. Perkara-perkara tentang alam sekitar tidak disentuh secara  
52     mendalam dan menyebabkan saya kurang jelas mengenainya.
- 53  
54     **Pengkaji**  
55     Bagaimanakah anda belajar tentang Pendidikan Alam Sekitar semasa aktiviti ko-  
56     kurikulum di sekolah?
- 57     **Pelajar**  
58     Saya dapat mempelajarinya ketika melakukan aktiviti **perkhemahan** unit beruniform.  
59     Semasa perkhemahan tersebut banyak cikgu kami.. aa.. diberikan soalan tentang  
60     kebersihan alam sekitar. Selain itu, kami juga diberi kuiz dan semasa jungle tracking,  
61     kami dinasihatkan supaya tidak merosakkan tumbuhan di sepanjang jalan yang kami lalui.
- 62  
63     **Pengkaji**  
64     Apakah masalah-masalah yang anda hadapi semasa belajar tentang Pendidikan Alam  
65     Sekitar dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah?
- 66     **Pelajar**  
67     Banyak aktiviti yang tidak berkaitan dengan alam sekitar. Contohnya Kelab Agama  
68     Islam yang saya masuki, lebih menekankan mengajar tentang salasilah tokoh Islam.  
69     Pendidikan Alam Sekitar juga tidak dapat diajarkan semasa aktiviti ko-kurikulum kerana  
70     kesuntukan masa. Banyak masa yang digunakan lebih memberi tumpuan kepada aktiviti  
71     kokurikulum yang berkenaan seperti kawad kaki, latihan bowling dan lain-lain.
- 72  
73     **Pengkaji**  
74     Selain dari pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas serta melalui aktiviti ko-  
75     kurikulum, apakah cara lain anda dapat mempelajari Pendidikan Alam Sekitar di  
76     sekolah?
- 77     **Pelajar**  
78     Di sekolah cikgu sentiasa memantau kebersihan persekitaran sekolah. Jika ada sampah  
79     dimana mana, cikgu akan memberi teguran secara terus kepada pelajar tersebut dan  
80     meminta kami membuangnya dengan segera.
- 81  
82     **Pengkaji**  
83     Pada pandangan anda, adakah Pendidikan Alam Sekitar yang ada sekarang ini memadai  
84     untuk keselesaan hidup di masa akan datang? Terangkan.
- 85     **Pelajar**  
86     Tidak memadai. Aa.. Pendidikan Alam Sekitar perlu diajar lebih mendalam supaya kami  
87     lebih faham, lebih jelas tentang cara-cara menjaga alam sekitar dengan betul.